



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 4 JULAI 2019

- 1. 310,000 BENIH IKAN DILEPASKAN DI SUNGAI**
 - **BERITA HARIAN**
- 2. SIASAT KOLAM UDANG JEJAS ALAM SEKITAR**
 - **HARIAN METRO**
- 3. 15, 000 SERTAI TANAMAN PADI SECARA ESTET**
 - **UTUSAN MALAYSIA**
- 4. KOLAM TERNAKAN UDANG ANCAM SUNGAI**
 - **KOSMO**
- 5. JPS, JABATAN PERIKANAN DIMINTA SIASAT PUNCA KUALA SUNGAI PINANG CETEK.**
 - **SINAR**
- 6. 200 NELAYAN TERJEJAS**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT

(MADA)

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 3 JULAI 2019

PERKARA : PERIKANAN

● KHAMIS, 4 JULAI 2019 **BI**

310,000 benih ikan dilepaskan di sungai

Pastikan kelangsungan industri perikanan di Pulau Pinang

Tasek Gelugor: Sebanyak 310,000 benih ikan dan udang disasarkan untuk dilepaskan di sungai di Pulau Pinang tahun ini sebagai usaha untuk memastikan kelangsungan industri perikanan negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Dr Afif Bahardin berkata, sasaran yang ditetapkan sebagai



Dr Afif Bahardin

Indeks Prestasi Utama (KPI) Jabatan Perikanan negeri ini juga menjadi sebahagian daripada sasaran nasional iaitu sebanyak lima juta benih ikan dan udang.

“(Sasaran) ini sebenarnya adalah satu daripada usaha murni untuk menyokong matlamat

menjamin kecukupan bekalan makanan dan memenuhi permintaan rakyat,” katanya ketika berucap pada majlis pelepasan kira-kira 100,000 benih udang galah ke perairan umum di Kampung Terus dekat sini, semalam.

Dr Afif berkata, program pelepasan udang dan ikan ini juga akan memastikan populasi hidupan marin sentiasa mapan dan menyumbang kepada pendapatan nelayan setempat.

“Ia (populasi udang dan ikan yang banyak) juga boleh menjadi tarikan kepada para pemancing dan boleh menjadi (asas untuk) satu projek agro pelancongan yang menarik dan menjana ekonomi yang lumayan,” katanya.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 JULAI 2019

PERKARA : PERIKANAN



KOLAM ternakan udang di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau dikuatiri mencemarkan alam sekitar.

HRM / 4/7/2019

Siasat kolam udang jejas alam sekitar

■ CAP bimbang masalah rosak kawasan perikanan

Zuhainy Zulkiffli
am@metro.com.my

Georgetown

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan menyiasat masalah saliran cetek akibat sisa buangan kolam ternakan udang di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau.

Masalah yang berlaku sejak lebih 10 tahun lalu itu dibimbangi boleh mencemarkan alam sekitar dan kawasan perikanan selain ban-

jir kilat jika tidak ditangani segera.

Pemangku Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, tinjauan mereka mendapati selain mendapat lumpur yang menyebabkan saliran sepanjang satu kilometer itu tertimbus, sisa buangan kolam ternakan udang itu juga mengalir ke laut.

Katanya, dibimbangi kemungkinan sisa buangan berwarna putih dan berbuih di dalam saliran itu mengandungi bahan yang boleh meracuni dan mengancam hidupan laut sekali gus mencemarkan alam sekitar.

"Berpuluh hektar hutan bakau yang menjadi tempat pembiahan hidupan laut turut musnah akibat pelaksanaan projek akuakultur itu.

"Malah CAP menerima aduan daripada nelayan di sini mengenai ikan, udang, ketam dan siput sudah berkurangan dan diancam kepupusan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berharap, pihak berkenaan menyelesaikan masalah itu dengan segera kerana jika dibiarkan, alam sekitar dan kehidupan serta pendapatan 200 nelayan pantai yang bergantung hidup kepada sumber laut di kawasan itu akan terjejas.

"Rumah penduduk berhampiran projek ternakan udang mungkin diancam banjir kilat ketika hujan kerana sistem saliran tidak berfungsi berikutan pengaliran air tersekat dan melimpah di kawasan itu," katanya.

FAKTA

Saliran cetek ditimbus bahan buangan ternakan udang

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 4 JULAI 2019

PERKARA : PERTANIAN

15,000 sertai tanaman padi secara estet

KANGAR 3 Julai - Kira-kira 15,000 petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menyertai Projek Estet Padi melibatkan kawasan seluas 35,000 hektar atau kira-kira 30 peratus keluasan sawah dalam pentadbiran lembaga itu.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali berkata, keluasan itu mencapai hasrat MADA sejak Projek Estet Padi dilancarkan pada 2011 bertujuan meningkatkan hasil dan mengatasi masalah petani yang meningkat usia tua.

"Melalui projek ini kita dapat

mengurangkan kos mengusahakan sawah 10 hingga 15 peratus manakala hasil meningkat sebanyak 0.5 hingga satu metrik tan dalam satu hektar," katanya dalam Majlis Erat Raya MADA Wilayah 1 Perlis di pekarangan agensi itu di sini semalam.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan hadir pada majlis itu.

Fouzi berkata, petani MADA yang mengusahakan sawah secara individu hanya mampu

mencapai produktiviti purata 5 hingga 5.5 tan metrik sehektar setiap musim.

MADA masih dalam usaha meningkatkan infrastruktur saliran air dari 18 meter kepada 30 meter bagi sehektar sawah supaya produktiviti dapat ditingkatkan sebanyak tujuh hingga lapan tan metrik dalam satu hektar.

"Peningkatan saliran ini penting supaya pengurusan air akan lebih efisien untuk disalurkan secara menyeluruh ke kawasan tanaman padi sekali gus meningkatkan produktiviti padi," katanya. - BERNAMA



TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL dan Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan menyaksikan demonstrasi masakan juadah tradisional dalam Majlis Erat Raya MADA Wilayah 1 Perlis di Kangar, kelmarin.

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 4 JULAI 2019

PERKARA : PERIKANAN

Kolam ternakan udangancam sungai

BALIK PULAU - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendedahkan kegiatan penyaluran sisa buangan dari sebuah kolam penternakan udang ke dalam sungai Kuala Sungai Pinang di sini sehingga menyebabkan aliran sungai menjadi semakin cetek.

Pemangku Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, masalah itu telah dikesan berlaku sejak lebih 10 tahun lalu yang dibimbangi boleh mencemarkan alam sekitar dan menyebabkan kejadian banjir kilat jika tidak ditangani segera.

“Dalam tinjauan yang dilakukan, kita mendapati selain berlaku mendapan lumpur yang menyebabkan saluran sepanjang lebih kurang 1 kilometer tertimbus, sisa buangan dari kolam ternakan udang itu juga mengalir ke dalam laut.

“CAP berasa bimbang kemungkinan sisa buangan berwarna putih dan berbuih itu mengandungi bahan yang boleh meracuni serta menancuk hidupan laut ternasuk mencemarkan alam



INILAH sisa kolam ternakan udang dibuang ke dalam saluran di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau baru-baru ini.

sekitar,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau menambah, pihaknya mendapati berpuluh-puluh hektar hutan bakau yang menjadi tempat pembiakan hidupan laut di kawasan itu juga turut dikhuatiri terjejas akibat projek akuakultur tersebut.

“CAP menerima aduan daripada nelayan yang mendakwa bahawa hasil laut seperti ikan, udang, ketam dan siput telah berkurangan dan sedang diancam kepupusan.

“Rumah-rumah penduduk berhampiran projek ternakan udang itu juga berkemungkinan diancam banjir kilat kerana

na sistem saluran tidak berfungsi berikutan pengaliran air tersekat,” katanya lagi.

Mohideen berkata, pihaknya menggesa pihak berkaitan supaya menyelesaikan isu itu dengan segera kerana dikhuatiri memberi kesan buruk kepada lebih 200 nelayan pantai di kawasan terbabit.

KERATAN AKHBAR : SINAR

TARIKH : 4 JULAI 2019

PERKARA : PERTANIAN

JPS, Jabatan Perikanan diminta siasat punca Kuala Sungai Pinang cetek



Saliran semakin cetek didakwa berpunca daripada pembuangan sisa dari kolam ternakan udang di Kuala Sungai Pinang.

GEORGETOWN - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan Pulau Pinang digesa menyiasat masalah saluran cetek di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau di sini.

Pemangku Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, siasatan mendapati masalah itu berpunca daripada sisa buangan kolam ternakan udang ke kawasan berkenaan.

Menurutnya, masalah berlarutan

sejak lebih 10 tahun yang lalu itu dibimbangkan boleh mencemarkan alam sekitar, kawasan perikanan dan menyebabkan banjir kilat jika tidak ditangani segera.

"Tinjauan CAP mendapati sisa buangan dari kolam ternakan udang itu mengalir ke laut.

"Kita bimbang sisa buangan itu mengandungi bahan beracun," katanya dalam satu kenyataan semalam.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 4 JULAI 2019

PERKARA : PERTANIAN



KEADAAN saluran semakin cetek dipercayai berpunca sisa buangan kolam ternakan udang di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau, Pulau Pinang.

200 nelayan terjejas

Oleh SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

PULAU PINANG 3 Julai - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan menyiasat masalah saluran cetek yang didakwa berpunca sisa buangan kolam ternakan udang di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau di sini ketika ini.

Pemangku Presiden CAP, Mohideen Abdul Kadir berkata, masalah yang berlaku sejak lebih 10 tahun lalu itu dibimbangi boleh mencemarkan alam sekitar, kawasan perikanan dan mengakibatkan banjir kilat di kawasan berkenaan jika tidak ditangani segera.

Menurutnya, tinjauan yang dibuat CAP mendapati selain

mendapan lumpur yang menyebabkan saluran sepanjang lebih kurang satu kilometer di sini tertimbus, sisa buangan dari kolam ternakan udang itu juga mengalir ke laut.



**MOHIDEEN
ABDUL KADIR**

“CAP bimbang kemungkinan sisa buangan berwarna putih serta berbuih yang terdapat dalam saluran di sini mengandungi bahan yang boleh meracuni dan mengancam kehidupan laut dan mencemarkan alam sekitar.

“Berpuluh hektar hutan bakau menjadi tempat pembiakan hidupan laut turut musnah akibat pelaksanaan projek akuakultur tersebut,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mohideen berkata, CAP menerima aduan daripada nelayan di kawasan tersebut yang

mendakwa ikan, udang, ketam dan siput berkurangan dan sedang diancam kepupusan.

“CAP berharap pihak berkuasa dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera kerana jika dibiarkan, alam sekitar dan kehidupan lebih 200 nelayan pantai yang bergantung hidup kepada sumber laut di kawasan berkenaan akan terjejas pendapatan mereka.

“Malah rumah penduduk berhampiran projek ternakan udang di sini juga mungkin diancam banjir kilat ketika hujan kerana sistem saluran tidak berfungsi berikutan pengaliran air tersekat dan melimpah di kawasan tersebut,” katanya.

Menurutnya, CAP berpendapat adalah perlu pihak bertanggungjawab menangani masalah itu dengan segera supaya kesesakan alam sekitar tidak menimpa ke atas alam sekitar, kehidupan nelayan dan penduduk di sini pada masa akan datang.